

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 JANUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 27

Pembukaan sempadan China rangsang ekonomi

Pembukaan sempadan China rangsang ekonomi

Malaysia raih manfaat daripada kesan limpahan

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Pembukaan semula sempadan China dijangka menarik perhatian pelabur saham ke dalam sektor pelancongan dan riadah serta pengguna, demikian kata penganalisis.

Naib Presiden Penyelidikan Ekuiti Rakuten Trade Sdn Bhd, Thong Pak Leng, berkata negara di rantau ini, termasuk Malaysia dijangka meraih limpahan manfaat daripada pembukaan semula sempadan China.

Beliau berkata, tindakan kerajaan China akan merangsang pelancongan dan penggunaan, sementara pada masa sama dapat mengurangkan masalah rantai bekalan serantau.

Katanya, pelabur global menjangkakan rangsangan ekonomi



Pengunjung tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Pudong di Shanghai, semalam. China membuka semula sempadannya selepas hampir tiga tahun ditutup berikutan pandemik COVID-19.

(Foto EPA)

daripada pembukaan semula China, manakala blok Barat akan terus menangani kesan pengetaran monetari yang boleh menjelaskan pertumbuhan ekonomi.

"Oleh itu, kami percaya dana global akan kembali ke Asia Timur pada 2023 dan menjangkakan Ma-

laysia mendapat manfaat daripada kesan limpahan.

"Indeks FBM KLCI sepatutnya mampu melepassi paras 1,500 dalam tempoh terdekat," katanya kepada BH.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kesan daripada pembu-

kaan semula sempadan antara bangsa China terhadap prestasi pasaran saham tempatan.

Beri kesan positif

China membuka semula sempadannya kelmarin, selepas hampir tiga tahun ditutup berikutan pandemik COVID-19.

Pengarah/Ketua MIDF Research, Imran Yassin Md Yusof, pula berkata pihaknya menjangkakan pembukaan semula sempadan China akan memberi kesan positif kepada ekonomi negara melalui peningkatan pelancong dari China.

Justeru, beliau berkata, ia akan memberi sokongan kepada pendapatan syarikat yang tersenarai berkaitan sektor pelancongan seperti pengangkutan, perhotelan dan peruncitan.

"Kita dapat lihat baru-baru ini sektor berkenaan mendapat tumpuan daripada pelabur. Contohnya, Malaysia Airports Holdings Bhd menunjukkan kenaikan sebanyak 4.7 peratus daripada awal tahun ini," katanya.

Sementara itu, M+ Online Research dalam nota penyelidikannya berkata aktiviti penggu-

naan dijangka lebih tinggi di tengah-tengah kembalinya semula pelancong dari ekonomi kedua terbesar dunia itu.

"Memandangkan pembukaan semula sempadan China menjadi perhatian, pelabur mungkin memberi tumpuan kepada sektor berkaitan pelancongan dan riadah serta sektor pengguna," katanya.

Sementara itu, Hong Leong Investment Bank Research kekal dengan pandangannya bahawa FBM KLCI akan terus kukuh dalam tempoh terdekat.

Ia menjangkakan paras ringtangan sekitar antara paras 1,492, 1,512 hingga 1,528 mata dan paras sokongan pada 1,470, + dan boleh ke paras 1,436 hingga 1,454 mata jika jualan berterusan berlaku.

 Kami percaya dana global akan kembali di Asia Timur pada 2023 dan menjangkakan Malaysia mendapat manfaat daripada kesan limpahan

Thong Pak Leng,
Naib Presiden
Penyelidikan
Ekuiti Rakuten
Trade Sdn Bhd

